



## **GERAN PENYELIDIKAN INSENTIF (GPI)**

### **KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

#### **1.0 TUJUAN**

Geran Penyelidikan Insentif (GPI) dalam kalangan staf akademik Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) bertujuan untuk membina budaya penyelidikan.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Kolej Universiti Islam Melaka Bil. 6/2020 yang bersidang pada 11 Ogos 2020 telah bersetuju untuk Penawaran Geran Penyelidikan Insentif (GPI) kepada staf akademik Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).
- 2.2 Penawaran GPI ini dilihat signifikan dalam membudayakan aktiviti penyelidikan dalam kalangan staf akademik Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).
- 2.3 Melalui pemberian GPI ini diharap dapat melonjakkan jumlah penerbitan jurnal berimpak tinggi berpangkalan Scopus/WOS/ERA dan ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada jumlah *citation* berimpak tinggi.
- 2.4 Permohonan GPI memerlukan penyelidik KUIM untuk menjalin kolaborasi penyelidikan bersama penyelidik luar KUIM (Universiti Awam dan/atau Institut Pengajian Tinggi Swasta dan/atau Industri/agensi awam/swasta)

bagi menghasilkan penerbitan bersama. Melalui kolaborasi ini juga, penyelidik KUIM dapat belajar dan menambah pengalaman dalam penyelidikan. Ini secara tidak langsung akan memupuk para penyelidik baru yang masih belum atau kurang terdedah dengan penyelidikan.

2.5 GPI ini akan memberi impak yang besar kepada pembangunan staf akademik KUIM khususnya dalam penyelidikan dan secara tidak langsung akan memartabatkan KUIM ke peringkat yang lebih tinggi melalui penarafan bintang dalam MyRA.

### **3.0 GERAN PENYELIDIKAH INSENTIF**

3.1 Staf akademik yang berjaya akan diberikan peruntukan GPI antara RM 4,000.00 hingga RM 8,000.00 tertakluk impak kajian terhadap KUIM dan masyarakat.

### **4.0 SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN**

4.1 Geran GPI ini terbuka kepada staf akademik yang bertaraf tetap atau kontrak, gred 41 dan ke atas.

4.2 Setiap projek mesti mempunyai satu (1) ketua projek dalam KUIM dan minimum satu (1) ahli projek dari KUIM dan satu (1) penyelidik dari luar KUIM.

4.3 Tempoh penyelidikan adalah selama 12 bulan sahaja.

4.4 Menamakan sekurang-kurangnya satu (1) jurnal berindeks yang disasarkan untuk penerbitan artikel dari hasil penyelidikan tersebut dalam kertas cadangan penyelidikan.

4.5 Ketua penyelidik yang masih belum siap sepenuhnya geran penyelidikan terdahulu tidak layak untuk memohon.

4.6 Ketua penyelidik yang telah siap sekurang-kurangnya 80% geran terdahulu akan dipertimbangkan permohonannya.

4.7 Ketua penyelidik yang gagal menyiapkan geran penyelidikan terdahulu tidak layak untuk memohon.

- 4.8 Menyatakan sumber dana daripada GPI dalam setiap terbitan artikel jurnal atau prosiding
- 4.9 Hasil penyelidikan yang berpotensi untuk di daftarkan dalam Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) mempunyai kelebihan untuk mendapat GPI.
- 4.10 Pelanjutan projek TIDAK dibenarkan kecuali dengan kelulusan TNC PKPI

## **5.0 AKTIVITI PENYELIDIKAN**

5.1 Aktiviti penyelidikan yang boleh dijalankan di bawah geran ini adalah;

5.1.1 Vot11000 – Upah dan Elaun

- i) TIDAK dibenarkan melantik Pembantu Penyelidik (RA) dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA). Walau bagaimanapun, penyelidik boleh melantik Pembantu Kerja Lapangan untuk mengumpul data tidak melebihi 10% dari peruntukan geran

5.1.2 Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan

- i) Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.
- ii) Perjalanan ke luar negara tidak dibenarkan di bawah GPIJumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan projek

5.1.3 Vote 24000 – Sewaan

- i) Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.
- ii) Jumlah perbelanjaan untuk sewaan tidak boleh melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan projek

5.1.4 Vote 27000 - Bekalan dan Bahan Penyelidikan

- i) Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.
- ii) Terhad kepada perolehan Bahan Guna Habis/Bahan Mentah dan Inventori.
- iii) Jumlah perbelanjaan untuk bekalan dan bahan penyelidikan tidak boleh melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan projek

#### 5.1.5 Vote 28000 - Baik pulih kecil dan ubahsuai

- i. Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.
- ii. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.
- iii. Jumlah perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian tidak boleh melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan projek.

#### 5.1.6 Vote 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan  
(Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)

- i. Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- ii. Membayar yuran penerbitan jurnal berindeks Scopus/WOS/ERA
- iii. Membayar yuran pendaftaran Harta Intelek

- iv. Jumlah keseluruhan perbelanjaan pula tidak melebihi 40% dari peruntukan geran.

#### 5.1.7 Vote 35000 - Aksesori dan Peralatan

Pembelian aset tidak dibenarkan, namun beberapa peralatan seperti komputer riba dan alat perakam suara boleh disewa/dipinjam daripada Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI) KUIM.

### 6.0 PEMANTAUAN

#### Laporan Kemajuan

- 6.1 Laporan kemajuan penyelidikan hendaklah di majukan ke UPI KUIM selepas 6 bulan.

#### 6.2 Laporan Akhir

Laporan Akhir GPI perlu dimajukan ke UPI dengan menggunakan format Laporan Akhir GPI

#### 6.3 Hasil Penyelidikan

- i. Menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus atau WOS atau ERA;
- ii. Menghasilkan satu (1) produk penyelidikan yang boleh dimajukan ke peringkat lebih tinggi atau boleh didaftarkan sebagai harta intelek KUIM

### 7.0 TANGGUNGJAWAB KETUA PENYELIDIK

- i. Ketua Penyelidik haruslah bertanggungjawab dalam memastikan penyelidikan dijalankan secara efektif berdasarkan objektif, jangka masa dan peruntukan geran yang diluluskan.
- ii. Kegagalan Ketua Penyelidik mematuhi peraturan / garis panduan boleh menyebabkan pihak KUIM mengenakan tindakan berdasarkan kepentingan KUIM.

## **8.0 SEMAKAN DAN KELULUSAN PERMOHONAN**

8.1 Permohonan akan disemak dan diluluskan seperti berikut

<b>Bil.</b>	<b>Tugas</b>	<b>Pegawai</b>
1	Pengulas	Pegawai yang dilantik oleh UPI
2	Melulus	Naib Canselor/TNC PKPI

8.2 Jawatankuasa UPI KUIM akan memaklumkan mengenai dana yang diluluskan

## **9.0 GARIS PANDUAN PERMOHONAN**

- 9.1 Permohonan GPI perlu mengisi borang KUIM/UPI/B/01(2) dan menghantar borang tersebut kepada UPI KUIM pada atau sebelum 2 Disember 2020.
- 9.2 Permohonan GPI akan disaring oleh pakar dalaman dan keputusan permohonan dapat diketahui dalam tempoh satu bulan.